

31. Surah Al An'am, ayat 16
32. Surah Az Zariat, ayat 56
33. Surah Al Qasas, ayat 77
34. Doktor Abdul Rahman as Sabuni dan lain-lain, Al Madkhal al Fiqhi wa at Tarikh at Tasyri' al Islami, (Maktabah Wahbah) h. 155
35. Allama Muhammad Baqir Al Majusi, The Life And Religion of Muhammad, (Universiti Cambridge, 1982) h. 208
36. Doktor Muhammad Said Ramadhan Al Buti, Fiqh Seerah, (Dar al Fikr) Cetakan kedua, h. 124-126
37. ibid., h. 175
38. Doktor Muhammad Farouk an Nubhan, Nizam al Hukm fi al Islam, (Muassasah ar Risalah) h. 139
39. Doktor Muhammad Salam Madkur, Maalim Daulah Islamiyah, (Kuwait: Maktabah Al Fallah) Cetakan Pertama, h. 63

40. Doktor Muhammad Said Ramadhan al Buti, op.cit., h. 170
41. Doktor Al Qutb Muhammad Al Qutb, Al Wasit fi an Nuzum al Islamiyah, (Al ittihad al Arabi li at Tiba'ah) Cetakan Pertama, h. 67-68
42. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h.67
43. Doktor Al Qutb Muhammad Al Qutb, op.cit, h. 23
44. Doktor Muhammad Said Ramadhan Al Buti, op.cit, h. 203
45. ibid.
46. ibid., h. 205
47. ibid.
48. Doktor Muhammad Farouk Nubhan, op.cit, h. 80

BAB KEDUA

KONSEP NEGARA ISLAM.

2.1 PENDAHULUAN.

Di dalam memperkatakan tentang konsep negara Islam, perlu dijelaskan bahawa konsep negara Islam adalah terlalu luas. Untuk memperkatakannya secara terperinci adalah memerlukan satu kajian yang lebih khusus.

Sebenarnya banyak kajian yang telah dibuat oleh para penulis berhubung dengan konsep negara Islam. Penulis mendapati banyak pendekatan yang telah dikemukakan sewaktu mereka menghuraikan konsep negara Islam.

Oleh kerana kajian ini hanya tertumpu kepada sikap Parti Tindakan Demokratik (DAP) mengenai negara Islam, maka di dalam menghuraikan konsep negara Islam, penulis hanya akan menyentuh beberapa aspek yang dianggap relevan dengan skop dan tujuan kajian ini. Ini termasuklah beberapa perkara yang berhubung dengan pengertian negara Islam. Apakah unsur-unsur yang perlu wujud bagi sebuah negara Islam dan apakah ciri-ciri yang membezakan negara Islam dengan lain-lain negara yang bukan Islam.

Perkara lain yang ingin disentuh oleh penulis ialah bagaimakah konsep kekuasaan atau kedaulatan dalam sebuah negara Islam. Siapakah yang sebenarnya memiliki kedaulatan dalam negara Islam. Setakatmanakah kedaulatan yang ada pada ketua negara Islam.

Di samping itu penulis akan cuba menghuraikan konsep kewarganegaraan atau kerakyatan yang wujud dalam negara Islam. Ini termasuklah bentuk-bentuk kewarganegaraan dalam negara Islam dan hak-hak yang diperuntukkan oleh negara Islam kepada setiap warganegaranya dan tugas yang perlu dilaksanakan oleh setiap warganegara Islam.

2.2 PENGERTIAN NEGARA MENURUT ISLAM.

Untuk menjelaskan pengertian negara menurut Islam, penulis ingin menjelaskan terlebih dahulu apakah pengertian negara menurut ilmu politik moden. Dengan penjelasan itu akan dapat dibuat perbandingan dengan pengertian negara menurut Islam.

Sebenarnya para sarjana ilmu politik tidak sama pendapat di dalam meletakkan pengertian sebuah negara kerana setiap mereka mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai apakah yang dikatakan dengan negara. 1

Seorang sarjana politik yang bernama " Deijy " berpendapat negara itu bermaksud satu kumpulan politik dalam mana-mana masyarakat sekali pun ia adalah kecil dengan syarat wujud satu golongan yang memerintah dan satu golongan yang diperintah dan golongan yang diperintah ini memberikan ketiaatan kepada golongan yang memerintah. 2

Walau bagaimana pun pandangan ini tidak dapat diterima oleh kebanyakan sarjana politik yang lain kerana mereka berpendapat penggunaan kalimah negara tidak boleh digunakan kecuali keatas satu kumpulan politik yang besar dan wujud satu sistem politik dalam kumpulan tersebut dengan berpandukan kepada asas-asas yang tertentu. 3

Seorang sarjana politik Perancis yang bernama Chris De Malbare menyatakan negara itu bermaksud sekumpulan individu yang tertentu dan tinggal dalam kawasan yang tertentu. Di samping itu mereka mempunyai satu organisasi politik yang mempunyai kekuasaan untuk memerintah. 4

Terdapat juga pendangan lain yang menyatakan bahawa negara itu bermaksud satu kumpulan manusia yang tinggal di satu tempat yang tetap dan di kalangan mereka ada kelompok yang memerintah dan ada kelompok yang kena perintah. 5

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat difahami bahwa untuk dikatakan sebuah negara itu wujud adalah memerlukan kepada kewujudan sekelompok masyarakat yang tinggal secara tetap di tempat yang tertentu dan di antara mereka wujud golongan yang menjadi pentadbir bagi menjalankan pentadbiran dan wujud golongan rakyat jelata yang menjadi golongan yang tunduk kepada golongan yang memerintah. Dengan itu dapat disimpulkan bahwa kewujudan sesebuah negara adalah terdiri kepada wujudnya tiga unsur penting iaitu:- 6

- i. Rakyat (Sha'b)
- ii. Kawasan (Iqlim)
- iii. Kekuasaan politik (Sultah Siasiah)

i. Rakyat.

Ertinya wujudnya sekelompok manusia samada sedikit atau pun banyak. Mereka tinggal dalam satu kawasan yang tertentu dan tunduk kepada satu sistem politik. Rakyat itu boleh jadi terdiri dari satu umat atau pun bangsa dan boleh jadi juga terdiri dari berbagai-bagai bangsa atau umat. 7

ii. Kawasan.

Apa yang dimaksudkan dengan kawasan ialah kawasan di mana

kumpulan itu tinggal. Pemerintah pula mempunyai kekuasaan politik dalam kawasan itu. Kawasan itu boleh jadi luas atau pun tidak luas. Pemerintah yang ada bertanggungjawab untuk menjaga kemaslahatan rakyat yang tinggal dalam kawasan tersebut. 8

iii. Kekuasaan Politik.

Ia bermaksud kekuasaan yang dimiliki oleh pemerintah ke atas rakyat yang tinggal dalam negara tersebut. Pemerintahan itu pula tegak atas satu bentuk perundangan yang tertentu. Ertinya pemerintah yang ada mempunyai kuatkuasa pemerintahan yang berdasarkan kepada undang-undang yang terpakai. 9

Kalau dilihat dari sudut Islam pula dapat dinyatakan bahawa kewujudan sesebuah negara Islam itu juga memerlukan kepada ketiga-tiga unsur yang disebutkan di atas . Unsur-unsur tersebut telah pun sempurna ketika penghijrahan golongan muslimin ke Madinah. Oleh kerana itu penghijrahan golongan muslimin ke Madinah adalah merupakan titik permulaan kewujudan sebuah negara Islam. 10

Madinah yang menjadi tempat penghijrahan itu boleh dipanggil kawasan di mana tertegaknya satu bentuk pemerintahan. Rakyat bagi negara tersebut adalah terdiri dari golongan muhajirin dan ansar serta golongan-golongan kafir seperti golongan Yahudi dan Nasrani. Manakala Rasulullah SAW pula

menjadi pemerintah yang memiliki kekuasaan politik. 11

Sesudah daripada hijrah, Rasulullah telah mengadakan satu perjanjian antara golongan muhajirin dan ansar yang terkenal dengan panggilan " Piagam Madinah ". Rasulullah juga mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah dan hukuman. Perintah dan hukuman yang dikeluarkan oleh Rasulullah SAW itu ditaati oleh penduduk Madinah. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mempunyai kekuasaan politik keatas masyarakat Madinah. 12

Keadaan yang sama berlaku kepada pemerintahan sesudah kewafatan Rasulullah SAW di mana kesemua pemerintahan yang wujud itu adalah bertitik tolak dari tiga perkara asas bagi kewujudan sesebuah negara iaitu rakyat, kawasan dan kekuasaan politik. 13

2.3 KONSEP KEDAULATAN DALAM NEGARA ISLAM.

Dalam huraiyan yang lalu ada disebutkan bahawa salah satu dari unsur yang perlu wujud dalam pembentukan sesebuah negara ialah kekuasaan politik atau pun dalam istilah yang lain ia dipanggil juga kedaulatan.

Apa yang dimaksudkan dengan kedaulatan ialah kekuasaan

yang wujud dalam negara. Ia adalah kekuasaan yang tertinggi dalam negara dan tidak tunduk kepada sebarang kuasa yang lain. 14

Kedaulatan juga bermaksud kuasa untuk mengawal rakyat jelata dari sebarang bentuk kezaliman. Oleh itu dapat difahami bahawa kedaulatan ialah kuasa yang dimiliki oleh kerajaan yang akan dilaksanakan keatas rakyatnya. 15

Pemikiran mengenai konsep kedaulatan telah tumbuh di Eropah. Ia pada asalnya bertujuan untuk menguatkan kedudukan pemerintah untuk menghadapi kuasa-kuasa luar yang ingin campur tangan dalam urusan pemerintahan negara tersebut. Ini mungkin disebabkan oleh perang yang berlaku di antara negara-negara itu. 16 Seterusnya pemikiran tersebut telah berkembang; dan bertukar menjadi tempat bergantung pemerintah negara untuk menghadapi tuntutan-tuntutan rakyat dan juga untuk memelihara kekuasaan politik yang mereka miliki. Mereka mendakwa bahawa kedaulatan tersebut adalah diperolehi dari tuhan. Oleh itu semua rakyat jelata mestilah tunduk dan taat tanpa berbelah bagi kepada pemerintah. 17

Walau bagaimana pun sesudah berlakunya revolusi Perancis pemikiran tentang kedaulatan telah berubah di mana kedaulat-

an yang pada mulanya dimiliki sepenuhnya oleh pemerintah telah berpindah ke tangan rakyat. Rakyatlah yang memiliki kedaulatan dan pemerintah hanyalah merupakan wakil kepada rakyat yang dilantik melalui satu persetujuan umum yang dipanggil pilihanraya. Pemikiran ini menjelaskan bahawa suara rakyat adalah sifra tuhan¹⁸ dan rakyat berhak melaksanakan sebarang bentuk yang dipersetujui bersama. Inilah ciri pemikiran yang terdapat di dalam sistem pemerintahan demokrasi yang wujud pada hari ini.¹⁹ Oleh yang demikian kuasa yang dimiliki oleh pemerintah adalah kuasa yang terikat.²⁰

Manakala kedaulatan dalam negara Islam boleh dilihat dari dua sudut iaitu:-²¹

i. Kedaulatan luaran .

ii. Kedaulatan dalaman.

i. Kedaulatan luaran.

Negara Islam mengiktiraf kewujudan kedaulatan luaran yang mana ia bermaksud sebarang kerajaan adalah tidak berhak untuk campurtangan dalam urusan pemerintahan negara Islam. Kedaulatan yang wujud itu memberikan hak kepada kerajaan Islam untuk menentukan arah perjalanan negaranya tanpa sebarang pengaruh dari luar.²²

ii. Kedaulatan dalaman.

Di dalam sebuah negara, Islam tidak mengiktiraf wujudnya kedaulatan yang mutlak bagi seseorang imam atau pemimpin di dalam kerajaan Islam kerena mereka tidak mendapat kekuasaan dari Allah. Mereka memperolehi kedaulatan atau kekuasaan dari rakyat melalui perlantikan yang dijalankan oleh rakyat. Oleh itu ia menjadi wakil kepada rakyat dan rakyat akan sentiasa memerhatikan perjalanan pemimpin agar ia tidak menyleweng dari landasan yang telah ditetapkan di dalam Islam.²³

Bertanya kedaulatan yang diiktiraf oleh Islam ialah hak pemerintah untuk mendapatkan ketaatan dari segenap rakyat. Hak ketaatan yang diberikan itu bukan kerana keperibadian yang ada pada diri pemerintah itu tetapi adalah kerana jawatan tersebut sememangnya memerlukan kepada ketaatan dari golongan rakyat. Walau bagaimana pun ketaatan tersebut mempunyai batas yang tertentu iaitu setakat mana arahan dari pemerintah tersebut tidak terkeluar dari garis yang telah ditentukan oleh Islam. Ini berdasarkan kepada kata-kata Saidina Abu Bakar yang masyhur iaitu:-

أطْبِعُونَ مَا أَخْبَتَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ فَإِنْ عَلِمْتُمُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَلَا طَاعَةَ لِي عَلَيْكُمْ

" Taatlah kepadaaku selamamana aku taat kepada Allah dan rasulnya, apabila aku melanggar perintah Allah dan rasulnya maka tidak ketaatan kamu kepadaaku." 24

2.3.1 SIAPAKAH YANG PALING BERDAULAT DALAM NEGARA ISLAM.

Dalam negara Islam, yang memiliki kedaulatan yang tertinggi sekali ialah Allah Taala. 25 Pandangan ini amat logik dan meyakinkan kerana tidak ada sesiapa pun dari kalangan manusia yang boleh mendakwa ia memiliki kedaulatan yang tertinggi melébihi ketinggian Allah Taala. Ini selaras dengan firman Allah Taala yang berbunyi:-

أَلَّا لِهِ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ بِرَبِّ الْعَالَمِينَ

" Ingatlah! mencipta dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha suci Allah tuhan semesta alam. 26

Ini berbeza dengan para pemikir sains politik barat yang apabila terangsang oleh pengertian kedaulatan merka berikhtiar untuk mengesahkan siapakah pemilik kedaulatan dalam masyarakat manusia. Tetapi mereka selalu menemui kegagalan kerana mereka tidak dapat menjumpai orang yang memiliki kedaulatan itu kerana dalam seluruh penciptaan ini tidak ada makhluk yang berhak mendakwa mempunyai kedaulatan. 27

Untuk lebih jelas lagi sila perhatikan kepada ayat-ayat yang berikut:-

وَلِلّٰهِ الْمُرْسَلُونَ خَيْرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللّٰهُ بِمَا يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

" Dan hanya bagi Allah segala pewarisan langit dan bumi dan Allah maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan." 28

لَهُكُلُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

" Dialah yang memiliki kerajaan langit dan bumi. 29

Berdasarkan kepada pengertian ayat diatas, adalah jelas bahawa Allah adalah pencipta dan penguasa tertinggi alam semesta ini. Kesemua perjalanan alam ini adalah berdasarkan kepada satu pentadbiran yang berdasarkan kepada kehendak ilahi. 30

Dapat difahami dari kenyataan tersebut bahawa tidak ada siapa pun dalam negara Islam samada pemimpin atau pun rakyat yang boleh mendakwa bahawa mereka memiliki kedaulatan yang mutlak. Sebaliknya mereka semua mestilah patuh kepada kedaulatan yang lebih tinggi iaitu Allah Taala dengan melak sanakan segala undang-undang yang diturunkan oleh Allah.

Walau bagaimana pun masih terdapat kedaulatan manusia

dalam negara Islam, tetapi kedaulatan itu adalah kedaulatan yang terikat. 31

Secara umumnya dapat dikatakan bahawa umat keseluruhannya mempunyai kedaulatan dan ia tidak dimiliki oleh seorang raja atau ketua kerana raja atau ketua hanyalah sebagai wakil kepada umat. 32 Para umatlah yang menyerahkan kuasa mereka kepada ketua dengan diberikan tanggungjawab yang tertentu sebagai mewakili golongan rakyat. Atas dasar ini umat berhak untuk melantik sesiapa sahaja dari kalangan mereka untuk menjadi ketua. Dalam masa yang sama mereka berhak untuk menyingkir mana-mana ketua yang patut disingkir. Oleh yang demikian, dalam sebuah negara Islam sumber kedaulatan atau pun kekuasaan adalah terletak di tangan rakyat dan bukanlah terletak di tangan ketua. Mereka (golongan pemerintah) tidak berhak untuk melakukan apa-apa yang mencanggahi pendapat rakyat. 33

2.3.2 BATAS-BATAS KEDAULATAN DALAM NEGARA ISLAM.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa kedaulatan umat dalam negara Islam bukanlah kedaulatan yang mutlak tetapi adalah satu bentuk kedaulatan yang sentiasa terikat. Ia terikat dengan batas-batas yang tertentu. Dalam hal ini kedaulatan yang wujud di tangan masyarakat hendaklah tidak melampaui batas-batas yang di tentukan oleh syariat Islam. Adalah tidak boleh bagi masyarakat melanggar b

tas-batas yang telah ditentukan oleh syariat Islam di dalam mereka melaksanakan kedaulatan tersebut. 34

Ini juga bererti segala peraturan yang dibentuk oleh masyarakat melalui ketua mereka hendaklah dalam lingkungan yang telah ditentukan itu.

Batas-batas yang telah ditentukan oleh syariat Islam itu mestilah dipatuhi oleh semua pihak samada ketua atau pun rakyat. Bagi seorang ketua ia mestilah menjauhkan diri dari sebarang bentuk penyelewengan dengan perbuatan itu ia telah menyalahgunakan kekuasaan yang telah diperuntukkan kepadanya. Begitu juga dengan rakyat. Mereka tidak boleh membiarkan segala kemungkaran yang berlaku di kalangan para pemimpin negara mereka. Sebaliknya mereka mestilah menggunakan kekuasaan yang ada pada mereka untuk menyingkirkan manapun ketua yang telah menyeleweng dan menggantikannya dengan ketua yang lain. 35

Sebagai kesimpulannya dapat dinyatakan bahawa kedaulatan rakyat dalam negara Islam adalah terikat kepada syariat Islam. Begitu juga halnya dengan seorang ketua bagi negara Islam. Kedaulatan yang ada padanya juga bukanlah kedaulatan yang mutlak tetapi adalah kedaulatan yang terikat dengan syariat Islam. Syariat Islamlah yang menjadi penunjuk batas-

batas yang tidak boleh dilewati oleh sesiapa pun samada ketua atau pun rakyat. Mereka semua wajib taat dan patuh kepada syariat Islam tanpa wujud sedikit pun perbezaan-perbezaan di dalam memberikan ketaatan dan ekpatuhan tersebut.

2.3.3 RUMUSAN.

Berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan kita dapat mengetahui bahawa terdapat beberapa ciri-ciri persamaan dan ketidaksamaan yang wujud antara negara Islam dan negara demokrasi dalam soal mengenai kedaulatan.

Apa yang menjadi persamaan antara negara Islam dan negara demokrasi ialah kedua-duanya mengiktiraf kedaulatan yang wujud ditangan rakyat. Cuma yang berbeza ialah negara demokrasi memberikan kuasa yang mutlak kepada rakyatnya.³⁶ Dengan kedaulatan yang mutlak itu, timbulah satu ungkapan yang berbunyi " suara rakyat adalah suara tuhan ". Ungkapan tersebut membayangkan betapa besarnya kedaulatan yang dimiliki oleh rakyat sehingga menyamai kedaulatan tuhan.ertiannya apa sahaja yang diinginkan oleh rakyat mestilah dijalankan tanpa mengambil kira persoalan undang-undang tuhan. Keadaan ini memungkinkan rakyat untuk menggubal apa sahaja peraturan yang mereka rasakan perlu.³⁷ Ini dilakukan melalui wakil-wakil mereka yang mereka telah lantik untuk menjadi ketua me-

reka.

Ini berbeza dengan kedaulatan yang ada pada rakyat dalam negara Islam. Kedaulatan rakyat bukanlah kedaulatan yang mutlak bahkan ia adalah terikat dengan ketentuan&ketentuan syariat Islam. Ini bermakna ketua atau pun rakyat tidak bebas melakukan apa sahaja kerana mereka semuanya terikat dengan syariat Islam. Pemimpin-pemimpin dalam negara Islam tidak boleh menggubal undang-undang secara sesuka hati. Apa saja perkara yang telah ditentukan oleh syariat Islam mestilah dilaksanakan tanpa sebarang dolak dalih. 38

2.4 KONSEP KEWARGANEGARAAN DALAM NEGARA ISLAM.

2.4.1 PENDAHULUAN.

Di dalam perbahasan yang lalu telah disebut bahawa antara perkara yang menjadi unsur kepada pembentukan negara Islam ialah 'rakyat'. Kewujudan sekelompok manusia yang tinggal secara tetap di satu tempat yang tertentu adalah dinamakan rakyat.

Apa yang ingin disentuh dalam perkara ini ialah siapa-siapa yang menjadi rakyat negara Islam. Apakah bentuk-bentuk kerakyatan atau kewarganegaraan yang wujud dan apakah pula hak yang sepatutnya mereka perolehi serta tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan.

Kesemua perkara di atas akan dihuraikan berdasarkan kepada sumber-sumber perundangan Islam dan juga berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah yang benar-benar berlaku sebagai bukti yang kuat untuk mengatakan bahawa ia bukanlah teori semata-mata tetapi ia adalah juga satu yang praktikal.

2.4.2 PENGERTIAN KEWARGANEGARAAN.

Kewarganegaraan ialah satu bentuk perhubungan setiap

individu dengan kerajaan. 39 Apa yang dikatakan bentuk per-hubungan itu ialah kewujudan ikatan yang bersifat undang-undang dan politik antara individu dan kerajaan. 40 Telah pun disebutkan bahawa rakyat merupakan syarat bagi kewujud-an sebuah negara. Individu yang membentuk rakyat ini adalah terikat dengan satu organisasi politik. 41 Ikatan ini tidak-lah sama dengan ikatan seorang individu dengan individu yang lain kerana kerajaan bukanlah individu dan tidaklah sama ju-ga dengan ikatan seorang individu dengan ummah kerana ummah bukanlah organisasi politik. 42

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dapat difahami ba-hawa apa yang dikatakan kewarganegaraan ialah satu bentuk i-katan politik antara kerajaan dan rakyatnya yang membawa ke-pada wujudnya kesan-kesan yang tertentu dari ikatan politik tersebut. Kesan-kesan tersebut samaada dalam bentuk hak-hak yang sepatutnya diperolehi serta tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua pihak iaitu pihak kerajaan dan pekah rakyat. 43

Antara hak-hak tersebut ialah samada berbentuk umum atau pun yang lebih bersifat khusus.

Perlu dijelaskan bahawa para fuqaha zaman silam tidak

pernah mengenal istilah kewarganegaraan seperti juga mereka tidak pernah mengenal kalimah perlombagaan kerana kedua-dua istilah tersebut merupakan istilah yang baru muncul sejajar dengan perkembangan pemikiran politik manusia di zaman mutakhir. Tetapi ini tidaklah bermakna perkara itu tidak wujud dan tidak diperdebatkan oleh para ulama zaman silam kerana berdasarkan kepada kitab-kitab feqah yang ditemui kita dapati perkata tersebut sememangnya dibahaskan. 44

2.4.3 SIAPAKAH WARGANEGARA ISLAM.

Abul A'la Al Maudoodi menjelaskan warganegara Islam boleh dibahagikan kepada dua iaitu:- 45

i. Orang-orang Islam

ii. Orang-orang Dzimmi

Ini berbeza dengan kebanyak negara yang wujud pada hari ini di mana pembahagian kewarganegaraan dibuat berdasarkan kepada bangsa. Abul A'la Al Maudoodi menyebut:-

" The Islamic State classifies the people living within its jurisdiction in the light of their belief or disbelief in the ideology which constitutes the basis of the state. In the other

word the people are divided into Muslim (who believe it in the ideology of the state) and Non Muslim (who do not believe in that ideology). 46

Berkesan dengan negara kebangsaan yang terdapat pada hari ini, Abul A'la Al Maududi menjelaskan:-

" A National State classifies its citizens into group of people in accordance with their belonging or not belonging to the nation or race which has establishes the state in question or which dominates over it and is responsible for running it. Here in the term majority and minority are used for the respective groups. 47

Kenyataan di atas jelas menunjukkan perbezaan kewarganegaraan antara negara Islam dan negara bukan Islam di mana kedua-dua negara itu mempunyai asas yang berbeza di dalam menentukan apakah bentuk kewarganegaraan yang ada dalam negara mereka.

Asas kewarganegara dalam negara Islam adalah merujuk kepada agama yang menjadi anutan. Ia tidak merujuk kepada apakah warna kulit seseorang itu dan apakah bahasa yang dipertutarkan. Ini kerana pembentukan warganegara Islam adalah berdasarkan kepada kesatuan agama dan bukannya kesatuan warna kulit, bangsa dan bahasa. 48 Sekali pun rakyat yang tinggal

dalam negara Islam itu terdiri dari berbagai bangsa, bahasa dan sebagainya tetapi mereka adalah umat yang satu sekiranya mereka berpegang kepada aqidah Islam. Oleh yang demikian setiap muslim adalah dianggap sebagai warganegara Islam kerap pada dirinya telah sempurna asas keislaman yang mencakupi persoalan aqidah dan kewarganegaraan. Setiap muslim yang berada di mana-mana sahaja adalah di anggap warganegara Islam kerana mereka adalah bersaudara. ⁴⁹ Dalam masa yang sama setiap muslim menikmati hak-hak politik yang diperuntukan kepada mereka dan mereka wajib menunaikan tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan. ⁵⁰

Persoalan yang perlu diutarakan ialah apakah orang-orang dzimmi juga dianggap sebagai warganegara Islam bagi membolehkan mereka menimmati hak-hak kewarganegaraan. Dalam masalah di atas terdapat berbagai-bagai pandangan ulama.

Menurut kitab Al Bada'i dijelaskan bahawa orang-orang dzimmi adalah juga menjadi warganegara Islam. ⁵¹ Di dalam kitab Al Syarh Al Sair Al Kabir telah dinyatakan apabila telah wujud perjanjian antara orang-orang Muslim dan orang-orang Dzimmi maka mereka (orang-orang Muslim) mesti memberikan perlindungan kepada orang-orang dzimmi dari sebarang bentuk kezaliman dan mereka menjadi warganegara Islam. ⁵²

Pengarang kitab Fathul Qadir juga berpandangan bahawa ahli dzimmi adalah menjadi warganegara Islam. 53 Oleh yang demikian golongan dzimmi adalah terikat dengan kerajaan Islam melalui ikatan kewarganegaraan Islam. 54

Ada juga pandangan yang mengatakan bahawa golongan dzimmi tidak dianggap warganegara Islam. Antara mereka yang menyokong pandangan ini ialah Proffesor Ahmad Taha Sanusi. Beliau berhujjah bahawa golongan dzimmi tidak menikmati hak yang sama dengan golongan muslim dan mereka tidak diwajibkan melakukan tugas yang sama dengan kaum muslimin. Contohnya jizyah tidak dikenakan keatas kaum muslimin. Manakala zakat pun tidak dikenakan keatas kaum dzimmi. 55

Walau bagaimana pun pandangan ini adalah lemah kerana negara Islam pada dasarnya sentiasa mendokong persamaan hak antara golongan muslim dan dzimmi. Kecualilah dalam beberapa perkara di mana terdapat perbezaan hak dan tanggungjawab antara golongan muslim dan dzimmi kerana ia melibatkan persoalan aqidah. Tetapi ini tidaklah bermakna golongan dzimmi tidak dianggap sebagai warganegara Islam kerana dalam mananya negara terdapat ketidaksamaan dari segi hak dan tanggungjawab. Walau pun demikian mereka masih menikmati status kewarganegaraan. 56.

2.4.5 GOLONGAN BUKAN MUSLIM DALAM NEGARA ISLAM.

Golongan bukan muslim dalam negara Islam boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu:-

57

- i. Mereka yang menjadi warganegara Islam melalui perjanjian damai.
- ii. Mereka yang menjadi warganegara Islam melalui perperangan setelah dikalahkan
- iii. Mereka yang menjadi warganegara Islam melalui cara-cara lain seperti dilahirkan dalam negara Islam dan sebagainya.

1. Mereka yang menjadi warganegara Islam melalui perjanjian damai.

Mereka ini diberikan layanan dan hak keistimewaan oleh negara Islam berdasarkan kepada ceraian-ceraian yang terdapat dalam perjanjian damai itu. Adalah menjadi keutamaan negara Islam untuk mengelakkan pertumpahan darah dalam menegakkannya pemerintahannya. Kerana perjanjian damai adalah satu usaha yang perlu kerana melalui pertumpahan darah dapat dielakkan. Golongan bukan muslim yang menjadi warganegara Islam melalui perjanjian ini dipanggil dzimmi atau orang-orang yang diberikan perlindungan. Mereka tidak boleh diganggu-gū

gat atau dibebankan dengan sesuatu yang di luar kemampuan mereka. Dapat disimpulkan bahawa asas kewarganegaraan golongan dzimmi ialah melalui perjanjian damai yang perlu ditaat oleh semua pihak. 60

Imam Abu Yusuf menyatakan " kita hanya boleh mengambil daripada mereka berdasarkan kepada ketetapan dalam perjanjian damai. Semua ketetapan itu mesti dipatuhi dan sebarang pindasan diharamkan sama sekali. 61

i.i. Mereka yang menjadi warganegaraan Islam melalui perang-an setelah dikalahkan.

Pada peringkat permulaan mereka dikenali sebagai al-Mus-ta'minun. Golongan ini tidak dianggap sebagai warganegara Islam. Walau pun demikian, Islam telah memerintahkan kepada umatnya supaya menghormati golongan ini dan mengiktiraf hak dan kebebasan yang sepatutnya mereka perolehi. 62

Pada kebiasaan mereka hanya tinggal di dalam negara Islam dalam tempoh yang tertentu sahaja dan apabila tamat tempoh tersebut mereka dikehendaki meninggalkan negara Islam Walau bagaimana pun terdapat juga kalangan mereka yang hendak menerus menetap dalam negara Islam. Oleh itu mereka perlu mela-kukan satu perjanjian untuk menjadikan mereka seorang dzimmi.

Pemerintah Islam mestilah menerima perjanjian ini dan setiap anggota masyarakat muslim mestilah melayani mereka seperti juga layanan mereka terhadap golongan dzimmi. 63

iii. Golongan yang menjadi warganegara Islam dengan cara yang lain seperti dileahirkan dalam negara Islam.

Terdapat juga golongan bukan muslim yang mendapat taraf kewarganegaraan semenjak ia dilahirkan. Ini kerana ayah dan ibunya memang menjadi seorang warganegara Islam. Selain dari itu ada juga kanak-kanak yang menjadi ahli dzimmi beberapa waktu sesudah ia dilahirkan. Ini kerana ibu bapanya hanya menjadi golongan dzimmi hanya setelah ia dilahirkan. 64

2.4.6 .BILAKAH TERBATALNYA PERJANJIAN DZIMMI.

Perjanjian dzimmi terbatal dengan sendirinya bila ia melakukan salah satu dari perkara-perkara yang berikut:-

- i. Memeluk Islam
- ii. Pergi ke negara yang memerangi negara Islam.
- iii. Melakukan pemberontakan keatas pemerintah Islam.

Seandainya seseorang kafir dzimmi itu melakukan jenayah yang berbentuk individu tidaklah membatalkan perjanjian tersebut sekali pun jenayah itu dilakukan keatas orang Islam. 66

2.4.7 HAK-HAK BUKAN MUSLIM DALAM NEGARA ISLAM.

Antara prinsip yang mesti dipegang oleh setiap pemerintah negara Islam ialah keadilan terhadap sesiapa sahaja yang berada di bawah pemerintahannya. Di dalam Al quran sering di-tekankan persoalan mengenai keadilan dan amaran terhadap mereka yang tidak berlaku adil. 67 Begitu juga dengan hadis Rasulullah SAW yang memang ada menyentuh perkara mengenai betapa pentingnya seorang pemimpin itu mengamalkan sikap adil.

Keadilan yang perlu dilaksanakan oleh pemerintah Islam bukan hanya terhadap golongan muslim tetapi juga terhadap golongan bukan muslim yang menjadi rakyat dalam negara Islam. 68

Untuk melaksanakan keadilan tersebut Islam telah menentukan garis-garis yang tertentu yang menetapkan hak dan tanggungjawab bagi setiap warganegara samada yang beragama Islam atau pun yang tidak beragama Islam. Inilah antara perkara yang digarisukkan oleh Rasulullah SAW seperti yang tercatat dalam perlembagaan Madinah. 69

Berdasarkan kepada prinsip keadilan tersebut, layanan yang diberikan kepada golongan bukan Islam pada dasarnya adalah sama dengan layanan yang diberikan kepada golongan muslim. Walau bagaimana pun keadilan atau pun persamaan yang membuattuliti tanpa memperhitungkan perbezaan yang wujud akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan.⁷⁰ Oleh itu keadilan yang sebenarnya ialah keadilan yang mengambilkira beberapa perbezaan asas yang memang menjadi realiti di kalangan warganegara Islam iaitu perbezaan agama yang menjadi anutan rakyat.⁷¹

Dalam melaksanakan proses keadilan tersebut, beberapa perbezaan mestilah diambilkira berdasarkan kepada pandangan agama yang menjadi anutan. Ini merupakan gambaran umum keadilan yang dilaksanakan dalam negara Islam.

Di antara hak-hak bukan muslim yang ada dalam negara Islam ialah:-

1. Kebebasan beragama
2. Kebebasan melaksanakan upacara agama
3. Kebebasan untuk melaksanakan undang-undang yang bersangkutan dengan kekeluargaan.
4. Perlindungan kehidupan dan harta kekayaan
5. Perlindungan terhadap kemuliaan diri.

6. Hak menjawat jawatan dalam kerajaan.
7. Kebebasan ekonomi.
8. Jaminan terhadao golongan miskin dan lemah.
9. Persamaan di sisi undang-undang.

1. Kebebasan beragama.

Antara hak asasi golongan bukan Islam yang diberikan di dalam negara Islam ialah kebebasan beragama. Mereka akan terus diberikan kebebasan untuk menganut agama mereka dan mereka sekali-kali tidak akan dipaksa untuk menganut agama Islam.

Al quran telah menerangkan:

لَا كُرَاهَةَ فِي الدِّينِ

" Tidak ada paksaan dalam agama " 72

وَقُلْ لِلنَّاسِ إِنَّمَا مِنْ رَبِّكُمْ مَنْ شَاءَ فَلِيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلِيَكُفِرْ

" Katakanlah kebenaran itu adalah dari tuhanmu,
Sesiapa yang suka ia boleh beriman dan sesiapa
yang suka ia boleh kufur." 73

أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ

"Apakah kamu hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman." 74

Ayat-ayat yang dinyatakan di atas menjadi dalil bahwa di dalam Islam tidak ada paksaan kepada sesiapa sahaja untuk menganut Islam.

Dari segi sejarah Islam tidak terdapat satu bukti pun yang menunjukkan bahwa terdapat bangsa Muslim yang cuba memaksa orang-orang bukan Muslim untuk menganut Islam. 75 Sebaliknya sejarah sering menyaksikan bagaimana orang-orang Islam yang tinggal di negara bukan Islam dipaksa meninggalkan agama mereka. Peristiwa yang paling terbaru ialah apa yang berlaku di Bulgharia hingga menyebabkan masyarakat Islam di sana terpaksa meninggalkan negara mereka akibat paksaan yang dikenakan keates mereka supaya meninggalkan ajaran Islam. 76

2. Kebebasan melaksanakan upacara keagamaan.

Islam tidak menghalang golongan bukan Islam untuk melaksanakan upacara agama di tempat peribadatan mereka. Mereka bebas melakukan apa sahaja yang menjadi suruhan agama mereka di dalam rumah mereka atau pun di rumah ibadat mereka.

Walau bagaimana pun mereka tidak dibenarkan meletak lambang-lambang agama mereka terutamanya di tempat yang majoritinya adalah orang-orang Islam kerana perbuatan ini akan menyenggung perasaan orang-orang Islam. 77

Golongan bukan muslim juga tidak dibenarkan mengikuti larangan yang terdapat di dalam Islam di dalam soal makan daging babi atau minum arak selamamana perbuatan itu tidak mengganggu ketenteraman awam. 78

Dalam perjanjian Khalid bin Al Walid dengan penduduk "Anat" terdapat kata-kata seperti berikut;" mereka berhak membunyikan loceng-loceng gereja pada mana-mana waktu sahaja kecuali di waktu sembahyang orang-orang Islam dan juga mereka berhak untuk membawa keluar tanda-tanda salib mereka di-hari-hari perayaan mereka. 79

Apa yang penting ialah orang-orang bukan Islam perlu mengawal perasaan orang bukan Islam seperti tidak mendirikan rumah-rumah ibadat di dalam kawasan orang-orang Islam. 80

**3. Kebebasan untuk mengamalkan undang-undang Kekeluargaan
(Personal Law)**

Warganegara bukan Islam tidak diwajibkan untuk mengikuti undang-undang Islam yang berhubung dengan masalah kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian, penjagaan anak dan pewarisan harta. Mereka mempunyai hak dan kebebasan untuk mengamalkan undang-undang yang bersangkutan dengan kekeluargaan berdasarkan hukum agama mereka. Dalam masa yang sama mereka juga dibenarkan untuk mengikuti undang-undang Islam sekiranya mereka mahu berbuat demikian.

81

4. Jaminan keselamatan diri dan harta.

Hak perlindungan yang tetap untuk warganegara bukan muslim adalah meliputi darah, jiwa, tubuh badan dan harta benda mereka.

82

Membunuh seorang warganegara bukan muslim adalah haram di sisi Islam. Rasulullah pernah bersabda:

مِنْ قَتْلِ مُهَاجِرٍ إِلَيْهِ الْجَنَّةُ

" Sesiapa yang membunuh seorang kafir muahad tidak akan dapat mencium bau syurga. "

83

Perlindungan terhadap warganegara bukan muslim juga meliputi harta benda mereka. Imam Abu Yusuf telah menyebut dalam kitab Al Kharraj mengenai apa yang terdapat di dalam perjanjian Rasulullah SAW dengan penduduk Najran; "untuk Najran dan wilayahnya adalah menjadi tanggungjawab Allah dan Rasul-Nya mengawal harta benda mereka, agama mereka, tempat ibadat mereka dan setiap apa yang mereka miliki samada sedikit atau pun banyak. 84

Sesiapa yang mencuri harta benda orang-orang bukan muslim akan dipotong tangannya. Di dalam satu riwayat bahawa Imam Ali r.a pernah berkata; " sebab mereka mesti membayar jizyah ialah supaya darah mereka seperti darah kita dan harta mereka seperti harta kita. 85

5. Perlindungan terhadap kemuliaan diri.

Sebagai manusia, golongan bukan muslim sama sahaja dengan muslim. Mereka mempunyai maruah dan kehormatan diri. Apabila mereka mendapat sesuatu yang menggembirakan, mereka perlu diberikan tahniah dan apabila mereka mendapat kedukaan mereka perlu diberikan takziah. Dalam hal ini Nabi Muhammad pernah menziarahi jiran tetangga yang bukan muslim apabila ia sakit. 86

Rasulullah SAW juga ada bersabda;

مَنْ أَذَى ذِمِّيًّا فَأُنْهَا خَلْقَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

" Sesiapa yang menyakiti orang-orang dzimmi, maka aku akan menjadi saksi bagi orang itu di hari qiamat." 87

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَعْذِبُ الَّذِينَ يَعْذِبُونَ النَّاسَ
فِي الدُّنْيَا

" Sesungguhnya Allah Taala akan menyiksa sesiapa yang menyiksa manusia lain di dunia." 88

Hadis yang tersebut di atas menunjukkan betapa penghormatan yang diberikan oleh Islam kepada mereka yang menjadi warganegara Islam.

6. Menjawat jawatan kerajaan.

Golongan bukan Islam dibenarkan untuk menjawat jawatan dalam kerajaan kecuali jawatan yang bersifat keagamaan seperti ketua kerajaan, ketua hakim dan lain-lain yang berkaitan. Mereka tidak dibenarkan memegang jawatan sebagai ketua kerajaan kerana jawatan tersebut merupakan penentu bagi dasar yang akan berjalan dalam sesebuah negara. Persoalan keaga-

maan yang menjadi syarat bagi ketua kerajaan bukanlah se-suatu yang asing bagi mana-mana negara. Perkara utama yang ditekan ialah apakah ideologi yang dipegang oleh ketua kerajaan itu bertepatan dengan ideologi negara . Kita dapat melihat beberapa contoh di dalam perlembagaan beberapa buah negara yang dengan jelas meletakkan agama sebagai syarat.

Perlembagaan Sweden ada menyebutkan;

" The King shall always belong to the pure Evangelical faith. The King shall summon and appoint as Members of the Council of State capable, experience, honorable and generally respected native Swedish citizens who belong to the pure Evangelical faith. " 89

Perlembagaan Thailand pula menyebut;

" The King professes the Buddhist faith and uphold religion." 90

Fakta yang terdapat di dalam perlembagaan seperti yang disebut di atas jelas menunjukkan bahawa agama menjadi syarat bagi seseorang untuk menjawat jawatan sebagai ketua kerajaan. Begitulah juga dengan negara Islam. Fungsi ketua kerajaan adalah untuk mengganti tugas para nabi iaitu untuk menjawat urusan dunia dan urusan agama.Begitu juga dengan jawat-gawal urusan dunia dan urusan agama yang beragam perlu diisi oleh warganegara yang beraga-

maan yang menjadi syarat bagi ketua kerajaan bukanlah sesuatu yang asing bagi mana-mana negara. Perkara utama yang ditekan ialah apakah ideologi yang dipegang oleh ketua kerajaan itu bertepatan dengan ideologi negara . Kita dapat melihat beberapa contoh di dalam perlembagaan beberapa buah negara yang dengan jelas meletakkan agama sebagai syarat.

Perlembagaan Sweden ada menyebutkan;

" The King shall always belong to the pure Evangelical faith. The King shall summon and appoint as Members of the Council of State capable, experience, honorable and generally respected native Swedish citizens who belong to the pure Evangelical faith. " 89

Perlembagaan Thailand pula menyebut;

" The King professes the Buddhist faith and uphold religion." 90

Fakta yang terdapat di dalam perlembagaan seperti yang disebut di atas jelas menunjukkan bahawa agama menjadi syarat bagi seseorang untuk menjawat jawatan sebagai ketua kerajaan. Begitulah juga dengan negara Islam. Fungsi ketua kerajaan adalah untuk mengganti tugas para nabi iaitu untuk mengawal urusan dunia dan urusan agama.Begitu juga dengan jawatan ketua hakim. Ia perlu diisi oleh warganegara yang beragam ketua hakim.

ma Islam kerana undang-undang yang akan berjalan dalam negara Islam adalah undang-undang Islam. Selain dari tugas menentukan polisi dan dasar, warganegara bukan Islam boleh memegang apa sahaja jawatan asalkan ia mempunyai kelayakan dan keikhlasan. Perkara tersebut sememangnya telah berlaku dalam negara Islam. Seorang ahli sejarah barat yang bernama Adam Metz di dalam bukunya yang berjudul " Kebudayaan Islam dalam kurun 4 Hijrah" telah menyebutkan; " antara perkara yang menghairankan ialah banyaknya bilangan pekerja (gabenor dan pekerja yang berpangkat besar) dan pengurus yang bukan Islam di dalam kerajaan Islam. ⁹¹

Selain dari itu rakyat bukan muslim juga dibenarkan untuk melibatkan diri dalam angkatan tentera. Meski pun demikian mereka tidak diwajibkan untuk turut serta dalam perang-an. Ini kerana mereka telah diwajibkan membayar jizyah bagi memboleh mereka mendapatkan perlindungan daripada kerajaan Islam dalam apa keadaan sekali pun. ⁹²

7. Kebebasan ekonomi.

Rakyat bukan Islam bebas melakukan apa saja kegiatan ekonomi yang boleh membawa keuntungan kepada mereka tanpa sebarang sekatan. Apa yang perlu mereka ikuti ialah larangan-

an yang tertentu di dalam sistem ekonomi Islam seperti larangan amalan riba di dalam kegiatan perniagaan. 93

8. Jaminan terhadap golongan miskin dan lemah.

Pemerintah adalah bertanggungjawab untuk memberikan jaminan kewangan kepada golongan bukan muslim yang terlalu miskin atau pun kerana sudah terlalu tua dan tidak dapat lagi untuk melakukan kerja. 94 Dalam masalah ini pernah mengarah pemegang amanah Baitul Mal supaya mengeluarkan bantuan kewangan kepada seorang perempuan Yahudi yang telah tua. Kata Saidina Umar; " tentulah tidak adil kiranya pada masa mudanya kita memungut jizyah daripadanya dan kita biarkan-nya di waktu tua. " 95

9. Persamaan dari segi undang-undang.

Setiap warganegara yang tinggal dalam negara Islam sama ada muslim atau pun bukan muslim adalah mempunyai taraf yang sama dari segi undang-undang.ertiinya mereka akan dilayani secara adil menurut undang-undang Islam. Allal Taala telah berfirman;

" Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu selalu menjadi orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesama kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan. " 96

Professor Abdul Raof menegaskan;

" Non Muslim citizens should not suffer any constraint of discrimination, nor should they be deprived of any of the state services- health. education, economic or otherwise." 97

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa tidak wujud sebarang bentuk penindasan terhadap mana-mana golongan di dalam Islam kerana undang-undang Islam telah pun menetapkan semua orang adalah sama di sisi undang-undang tanpa mengira kedudukan seseorang itu.

2.4.8 BEKERAPA TANGGUNGJAWAB BUKAN MUSLIM DALAM NEGARA ISLAM.

Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh warganegara bukan Islam dalam negara Islam adalah seperti berikut:-

- i. Menunaikan bayaran jizyah kharraj dan cukai perniagaan. Ini adalah tanggungjawab mereka secara material.
- ii. Mengikuti hukum Islam dalam beberapa perkara yang tertentu.
- iii. Mengawal perasaan masyarakat Islam.

i. Membayar jizyah dan kharraj.

Jizyah ialah cukai tahunan yang diwajibkab keatas setiap warganegara bukan muslim yang diambil dari setiap lelaki yang baligh dan mempunyai keupayaan mengikut kadar kemampuan yang ada pada mereka. Orang fakir dan miskin tidaklah dikenakan sama sekali. 98

Bayaran jizyah tidaklah dikenakan dengan kadar yang tertentu. Perkara ini adalah terletak di tangan pemerintah untuk

menentukan berapakah kadar yang sesuai untuk dikenakan ke atas mereka. 99

Kharraj pula adalah cukai keatas harta benda. Cukai tersebut dikenakan keatas tanah yang dimiliki oleh rakyat bukan muslim. Penentuan kadar kharraj juga adalah ditentukan oleh pemerintah. 100 Perbezaan antara jizyah dan kharraj ialah bahawa jizyah tidak akan menjadi kewajiban keatas rakyat bukan muslim apabila mereka memelok Islam. Manakala kharraj akan terus dikenakan orang bukan Islam sekali pun mereka telah memelok Islam. 101

Pembayaran jizyah diwajibkan keatas bukan muslim di dalam negara Islam adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada mereka. Atas sebab pembayaran ini juga mereka tidak diwajibkan untuk turut sama terlibat dalam mem pertahankan negara ketika berlakunya perang. Ini berbeza dengan masyarakat Islam. Mereka diwajibkan untuk memberi perkhidmatan ketenteraan apabila berlaku perang. 102

Oleh kerana itu, selain daripada tanda patuh dan tun duk kepada hukum Islam, jizyah juga pada hakikatnya adalah gantian harta benda kepada khidmat ketenteraan yang diwajibkan keatas orang-orang Islam. Dalam masa yang sama orang-

orang Islam pula diwajibkan membayar zakat yang menjadi satu kefarduan kepada mereka. 103

Seperti yang telah dijelaskan bahawa pembayaran jizyah adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada golongan bukan Islam. Tetapi apabila negara Islam telah menjadi lemah dan tidak berdaya untuk menjalankan tugas keselamatan maka pemerintah tidak ada lagi hak untuk mengutip bayaran tersebut dari golongan bukan muslim. 104 Inilah yang telah dilakukan Abu Ubaidah sewaktu para pegawainya di Syria memberitahu tentang kedatangan bala tentera rom. Lalu beliau telah menulis surat kepada para pegawainya supaya memulangkan semula jizyah yang telah dikutip dari rakyat bukan Islam kerana mereka tidak mampu lagi untuk memberikan perlindungan kepada rakyat bukan muslim. 105

Pembayaran jizyah juga tidak menjadi kewajiban sekiranya rakyat bukan muslim bekerjasama dengan rakyat muslim mempertahankan negara Islam. Fakta telah dicatat dengan terang di dalam perjanjian yang dibuat antara warganegara bukan muslim dan muslim semasa pemerintahan Umar ra. 106

ii. Mengikuti hukum Islam dalam beberapa perkara yang tertentu.

Golongan bukan Islam dalam negara Islam adalah diwajibkan mematuhi hukum Islam yang berjalan di dalam negara Islam. Ini adalah kerana mereka sudah memiliki kerakyatan negara Islam. Dengan status kerakyatan yang diperolehi tersebut ber- makna ia harus tunduk kepada undang-undang yang dilaksanakan

107

Walau begaimana pun di dalam perkara yang berhubung dengan undang-undang kekeluargaan dan keagamaan, maka mereka dibenarkan untuk meleksanakan undang-undang mereka sendiri yang berdasarkan kepada agama mereka. Perkara yang lain dari soal kekeluargaan seperti undang-undang mengenai jenayah, civil dan sebagainya, maka dalam hal ini mereka adalah diwajibkan untuk mengikutinya sama seperti orang-orang Islam.

108

iii. Mengawal perasaan masyarakat Islam.

Golongan bukan muslim juga dikehendaki untuk menjaga perasaan masyarakat Islam. Mereka ditegah mencaci kepercayaan Islam. Mereka juga ditegah dari menonjol-nonjolkan perbuatan yang ditegah di dalam Islam di hadapan masyarakat Islam seperti minum arak makan babi dan sebagainya. Di samping itu mereka juga tidak dibenarkan mendirikan gereja di dalam kawasan masyarakat kerana perbuatan itu dikhuatiri akan meny-

2.5 KESIMPULAN.

Berdasarkan kepada huraian-huraian yang telah diutara-kan oleh penulis, maka dapatlah dibuat beberapa kesimpulan yang mengenai soal ciri dan prinsip yang wujud dalam negara Islam.

Sebenarnya banyak prinsip-prinsip yang diperjuangkan dalam negara Islam. Daripada keseluruhan prinsip yang diper-juangkan boleh dibahagikan kepada tiga prinsip umum iaitu:-

- i. Kebebasan.
- ii. Persamaan.
- iii. Keadilan masyarakat.

i. Kebebasan yang dimaksudkan itu ialah kebebasan menyuara-kan pandangan dan buah fikiran, kebebasan untuk menganut se-barang akidah dan kepercayaan dan kebebasan untuk meningkat-kan taraf ekonomi dan pelajaran.

ii. Maksud persamaan ialah persamaan dari sudut mendapatkan hak-hak yang telah diperuntukkan di dalam negara Islam dan

juga persamaan dari sudut kewajiban yang mesti dilaksanakan oleh setiap anggota masyarakat.

iii. Dalam soal keadilan masyarakat, dapat dikatakan bahwa negara Islam bergerak kearah mengwujudkan keadilan dalam masyarakat. Perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam sistem-sistem yang wujud di dalam syariat Islam. Kesemua sistem yang wujud itu adalah bertujuan untuk memberikan keadilan kepada seluruh masyarakat. Ertinya pemerintah akan berusaha untuk memastikan tidak ada sebarang bentuk kezaliman dan penindasan yang berlaku.

Daripada penjelasan yang dihuraikan juga dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa ciri-ciri yang perlu wujud bagi sebuah negara Islam. Ciri-ciri tersebut ialah:-

i. Islam menjadi ideologi negara. Mereka yang menjadi ketua negara Islam mestilah menjadikan Islam sebagai ideologi yang dipegang. Begitu juga mereka yang terlibat dalam penentuan dasar dan polisi negara mestilah menjadikan Islam sebagai ideologi pegangan mereka. Walau bagaimana pun di peringkat perlaksanaan dasar, maka sesiapa sahaja yang berkelayakan berhak untuk melibatkan diri .

ii. Undang-undang Islam adalah undang-undang yang tertinggi

di dalam negara Islam. Semua rakyat mestilah tunduk kepada undang-undang itu. Walau bagaimana pun undang-undang yang bersangkutan dengan kekeluargaan dan keagamaan maka undang-undang yang terpakai ialah mengikut kepercayaan agama masing-masing.

iii. Asas kerakyatan adalah merujuk kepada agama yang/anut-an dan bukannya kepada bangsa. Setiap warganegara mempunyai hak-hak dan tanggungjawab yang tertentu dengan mengambil kira kepercayaan yang mereka anuti.

1. Doktor Muhammad Farouk Nubhan, Nizam al Hukm fi al Islam (Masassah ar Risalah), h. 19
2. ibid.
3. Doktor Muhammad Tharut Badwi, An Nuzum as Siyasiyah, (Dar an Nahdah Al Arabiah) h. 21
4. Doktor Muhammad Farouk Nubhan, op.cit,h. 19
5. Doktor Muhammad Salam Madkur, Maalim Daulah Islamiyah, (Kuwait: Maktabah al Fallah) Cetakan Pertama, h. 57
6. Doktor Fathy Abdul Karim, Ad Daulah wa as Siada fi Fiqh al Islami, (Qaherah: Maktabah Wahbah) Cetakan Pertama, h.151
7. ibid, h. 97
8. Hazim Abdul Muta'al As Suaidi, Nazariah Islamiyah fi ad Daulah, (Dar an Nahdah al Arabiah, 1977), Cetakan Perte-
ma, h. 262
9. Doktor Fathy Abdul Karim, op.cit, h. 71
- 10.Doktor Muhammad Farouk Nubhan, op.cit, h. 87
- 11.Doktor Abdul Hamid Mutawalli, Mabadi' Nizam al Hukm fi al Islam, (Iskandarich: Mansha'ah al Ma'arif, 1978) h. 197
- 12.Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h 67
- 13.Hazim Abdul Muta'al As Suaidi, op.cit, h243
- 14.Doktor Fathi Abdul Karim, op.cit, h.71
- 15.Doktor Muhammad Farouk Nubhan, op.cit, h. 146
16. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h.118
17. ibid, h. 118
18. Doktor Fathy Abdul Karim, op.cit, h.134

19. Doktor Muhammad Farouk Nubhan , op.cit, h. 30

20. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h. 120
21. Doktor Muhammad Farouk Nubhan, op.cit, h.147
22. ibid.
23. ibid, h. 148
24. Doktor Muhammad Jamaluddin Sarur, Al Hayat as Siyasiyah
Fi ad Daulah al Arabiah al Islamiyah,(Qaherah: Dar al
 Fikr al Arabi) Cetakan Ketiga, h. 17
25. Abul A'la Al Maudoodi, Islamic Law And Constitution,
 (Delhi: Taj Company, 1986) h. 212
26. Surah Al A'raf, ayat 53
27. Abul A'la Al Maudoodi, op.cit, h. 212
28. Surah Al Imran ayat 130
29. Surah Al Baqarah, ayat 107
30. Abul A'la Al Maudoodi, op.cit h. 212
31. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h. 119
32. Doktor Abdul Hamid , op.cit, h. 120
33. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h. 120
34. Doktor Muhammad Hilmi, Nizam al Hukm Fi al Islam Muqa-
ranan Bi an Nuzum al Mu'asarah.(Qaherah: Dar al Fikr
 al Arabi, 1975) Cetakan Ketiga, h. 40
35. ibid, h. 41
36. ibid, h.137

37. ibid, h. 139
38. ibid, h. 160
39. Doktor Abdul Karim Zaidan, Ahkam az Zimmiyin wa al Mus-ta'man Fi Dar al Islam, (Beirut: Muasasah ar Risalah, 1982) h. 61
40. ibid.
41. ibid.
42. ibid, h. 62
43. ibid.
44. ibid, h.61
45. Abul A'la Al Maudoodi, op.cit, h. 245
46. ibid, h. 274
47. ibid.
48. Muhammad Salam Madkur, op.cit, h. 97
49. Surah Al Hujurat, ayat 10
50. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h. 97
51. Al Kasani, Kitab Bada'i as Sana'i Fi Tartib as Syara'i, (Mesir: Matba'ah Al Jamaliah 1328 h) Cetakan Pertama, h. 281
52. As Sharkhasi, Sharh As Sair Al Kabir, (Matba'ah Da'ira-tul Ma'arif li an Nazzamiah, tanpa tarikh) Juzuk Pertama, h. 140
53. Ibnu Hammam, Syark Fath al Qadir, (Mesir: Al Matba'ah al Kubra Al Amiriah, 1316 h) Juzuk Pertama, h. 375
54. Doktor Abdul Karim Zaidan, op.cit, h. 63

55. *ibid*, h. 64
56. Mustapha Haji Daud, Pemikiran Politik Dan Ekonomi Al Maudoodi, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1989)
h. 74
57. *ibid*.
58. Yusuf Al Qardawi, Non Muslim Dalam Negara Islam, Terjemahan Dr Mat Saad Abd Rahman, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1989) h. 5
59. *ibid*, h.6
60. Doktor Abdul Karim Zaidan, op.cit, h. 65
61. Abu Yusuf, Kitab al Kharraj, (Qaherah: Maktabah es Salafiah, 1352 h) h. 146
62. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit. h.601
63. *ibid*.
64. Doktor Abdul Karim Zaidan, op.cit, h. 66
65. Doktor Muhammad Salam Madkur, op.cit, h. 100
66. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, The Concept of Islamic State, With Particular Treatment of Non Muslim Citizens, (Kuala Lumpur: Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri, 1986) h.48
67. *ibid*.
68. *ibid*.
69. *ibid*.
70. Abul A'La Al Maudoodi, op.cit, h. 275
71. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, op.cit, h. 48

72. Surah Al Baqarah, ayat 256
73. Surah Al Kahfi, ayat 29
74. Surah Yunus, ayat 99.
75. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 19
76. Utusan Malaysia, 10 Oktober 1989.
77. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 20
78. ibid.
79. Abu Yusuf, op.cit, h. 146
80. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 20
81. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, op.cit, h. 51
82. ibid.
83. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 12
84. ibid, h.14
85. ibid, h.15
86. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, op.cit, h. 54
87. As Sayuti, Al Jami'u as Saghir, (Qaherah: Vol 12, 1373)
h.473
88. Sahih Muslim, vol 3, h. 121
89. Doktor Said Ramadhan Al Booti, Islamic Law, Its Scope
And Equity, (Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement Of Ma-
laysia, 1987) h. 121
90. ibid.
91. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 24
92. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, op.cit, h. 55
93. ibid, h. 56

94. ibid.
95. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 16
96. Surah Al An'am, ayat 8
97. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, op.cit, h. 59
98. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 16
99. ibid, h. 32
100. ibid, h. 32
101. Mohd Asad, The Principle Of State And Government in Islam, (Giblartar: Dar al Andalus 1981) h. 74
102. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 33
103. Surah At Taubah, ayat 6
104. Yusuf Al Qardawi , op.cit, h. 35
- 105, ibid.
106. ibid.
107. ibid, h. 39
108. Tan Sri Professor Muhammad Abdul Rauf, op.cit, h. 60
109. Yusuf Al Qardawi, op.cit, h. 41